

Jilid II
Bil. 39



Hari Khamis
28hb Oktober, 1976

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEEMPAT

Fourth Parliament

PENGGAL KEDUA

Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 4225]

USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan
Mesyuarat [Ruangan 4237]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Letrik (Pindaan) [Ruangan 4238]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATUK HAJI HUSSEIN BIN DATUK ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran, DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kubang Pasu).

Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat).

„ Menteri Perhubungan, TAN SRI DATUK V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., (Pelabuhan Kelang).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK HAJI MOHD. ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K., S.P.D.K. (Nilam Puri).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, S.M.K., S.I.M.P. S.P.D.K. (Temerloh).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI DATUK ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S. P.G.D.K. (Bandar Kuching).

„ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, S.P.D.K., J.P. (Kinabalu).

„ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., P.J.K. (Ulu Langat).

„ Menteri Undang-undang, TAN SRI DATUK HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J. (Tenggaroh).

„ Menteri Kebajikan Am, PUAN HAJJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, J.M.N. (Kuala Langat).

„ Menteri Penerangan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., P.G.D.K. (Samarahan).

„ Menteri Pertanian, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J. (Pontian).

„ Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATUK AHMAD RITHAUDDEEN AL HAJI BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATUK HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.G.D.K., P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).

„ Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA BIN HITAM, S.P.M.J. (Labis).

„ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).

- Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datoh).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK SHARIFF BIN AHMAD, D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., K.M.N. (Pulai).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATUK SRI HAJI KAMARUDDIN BIN MAT ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.D.K. (Kota Star).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, DATUK HAJI RAMLI BIN OMAR, K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DR NEO YEE PAN (Muar).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, TUAN RAIS YATIM (Jelebu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSTAPHA *alias* HASSAN BIN ALI (Kuala Trengganu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN LEW SIP HON, K.M.N. (Shah Alam).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN PATRICK ANEK UREN (Bau-Lundu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN ZAKARIA BIN ABDUL RAHMAN (Besut).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perhubungan, TUAN LUHAT WAN, (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TAN SRI ABDUL AZIZ YEOP, P.S.M. (Padang Rengas).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).
- „ TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAN BIN HAJI OTHMAN (Kemaman).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.N.B.S., S.I.M.P. (Payang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K., A.S.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ DATUK HAJI ABDULLAH BIN AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K. (Machang).
- „ TUAN ABDULLAH BIN MAJID, K.M.N. (Raub).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR, A.S.D.K., A.D.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. OYONG, A.D.K. (Labuk-Sugut).
- „ TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AZAHARI BIN MOHAMED TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim-Bandar Baharu).
- „ TUAN AZAHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI, A.S.D.K. (Tuaran).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIANG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Renggam).
- „ PUAN CHOW POH KHENG (Selayang).
- „ TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).
- „ TUAN STEPHEN ROBERT EVANS (Keningau).

Yang Berhormat TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).

- „ TUAN FARN SEONG THAN (Sungei Besi).
- „ DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).
- „ TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- „ DR HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- „ TAN SRI SYED JA'AFAR ALBAR, P.M.N., D.P.M.J. (Panti).
- „ TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- „ TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LIBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ DATUK PETER LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).
- „ TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR (Ulu Nerus).
- „ TUAN HAJI MADINA BIN UNGGUT, P.P.N. (Bandau).
- „ DATUK ALBERT MAH, D.M.P.N., K.M.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- „ TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ DATUK MOHAMMED NAJIB BIN TUN ABDUL RAZAK (Pekan).
- „ TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- „ TUAN HAJI MOHAMED IDRIS BIN HAJI IBRAHIM (Setapak).
- „ TUAN MOHAMED SALLEH BIN DATUK PANGlima ABDULLAH (Silam).
- „ TUAN HAJI MOHAMED TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).

- Yang Berhormat DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K.
(Ulu Trengganu).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P.,
P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L. (Marudu).
- „ DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N.
(Jerlun-Langkawi).
- „ RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, K.M.N., P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- „ TOH PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K.
(Kuala Kangsar).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Star).
- „ TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG, B.K., A.D.K. (Tawau).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Limbang-Lawas).
- „ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- „ TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungei Siput).
- „ TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Kangar).
- „ DATUK HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, P.G.D.K., A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P.
(Baling).
- „ TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Grik).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB, A.M.P. (Parit Buntar).
- „ TUAN SU LIANG YU (Bruas).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA, A.D.K. (Kimanis).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Kepong).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- „ DATUK JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibu).
- „ TUAN YANG SIEW SIANG, P.B.S. (Miri-Subis).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P.
(Ulu Muda).
- „ TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K.
(Pasir Mas).
- „ WAN ZAINAB BINTI M.A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungei Petani).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL, P.B. (Rantau Panjang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Khamis, 28hb Oktober, 1976

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan*
Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

KUMPULAN FREEMASON

1. Raja Nasron bin Raja Ishak minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri memberikan maklumat dengan butir-butirnya sekali berkenaan dengan aktiviti-aktiviti kumpulan FREEMASON dan jumlah bilangan ahlinya.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Tuan Yang di-Pertua, Freemasonry ini adalah satu pertubuhan yang didapati di dalam beberapa buah negara di dunia ini termasuk Malaysia dan pada masa ini di negara kita ini ada 51 lodges dan kesemuanya adalah berdaftar di bawah Akta Pertubuhan, 1966. Kegiatannya merupakan perjumpaan bulanan yang diadakan oleh setiap lodge dan pada keseluruhannya kegiatannya adalah bercorak sosial dan kebajikan untuk anggotanya.

Setahu saya tidak ada apa-apa kegiatan yang menyalahi undang-undang yang dilakukan oleh Kumpulan Freemason ini dan jumlah ahlinya yang berdaftar adalah lebih kurang 3,000.

PELAN INDUK PELANCUNGAN BAGI SARAWAK

2. Tuan Thomas Salang Siden minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan samada terdapat sebarang rancangan untuk mengadakan pelan induk mengenai pelan-

cungan di Sarawak untuk membangunkan industri pelancungan di Sarawak ke jalan yang sesuai.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Mustapha bin Ali): Tuan Yang di-Pertua, Perbadanan Kemajuan Pelancungan telah diperuntukkan sebanyak \$500,000 untuk menjalankan satu kajian pelan induk pelancungan bagi negeri Sarawak di bawah Rancangan Malaysia Ketiga. Perbadanan bercadang untuk menjalankan kajian tersebut dalam tahun 1977 atau 1978 dengan bantuan tenaga yang akan diperolehi daripada syarikat-syarikat perunding yang terkemuka, berkelayakan dan berpengalaman di dalam bidang pembangunan pelancungan. Kajian ini apabila dijalankan akan mengenal-tentukan (to identify) kawasan-kawasan yang mempunyai potensi untuk pembangunan, potensi pasaran-pasaran pelawat yang didapati yang dapat dibawa ke negeri Sarawak serta juga rancangan pelaksanaan yang meliputi kedua-dua strategi pembangunan physical dan pemasaran sebagai panduan dan tindakan yang boleh diambil oleh Kerajaan dan pihak swasta.

Perbadanan Kemajuan Pelancungan memberi keutamaan dan perhatian yang berat kepada kajian ini kerana Perbadanan sedar akan peri mustahaknya pelan induk disediakan untuk mencapai pembangunan yang seimbang dan harmoni bagi perkembangan dan kemajuan industri pelancungan. Adalah diharapkan bahawa dengan siapnya kajian ini negeri Sarawak akan dapat merancang langkah-langkah yang perlu diambil untuk membangunkan industri ini dengan cara sistematik untuk memperolehi menafaat-menafaat yang dapat didayagerakkan oleh perusahaan pelancungan.

DADAH BERBAHAYA

3. Tengku Zaid bin Tengku Ahmad minta Menteri Undang-undang menyatakan samada benar Malaysia adalah pusat pengedaran

dadah antarabangsa. Jika ya, apakah tindakan-tindakan yang telah diambil dalam hal ini.

Timbalan Menteri Undang-undang (Tuan Rais Yatim): Tuan Yang di-Pertuan, adalah tidak benar anggapan yang menyatakan Malaysia sebagai satu daripada pusat pengedaran dadah antarabangsa kerana:

- (i) Malaysia tidak menanam atau menghasilkan dadah-dadah berbahaya;
- (ii) Sebahagian daripada dadah yang diseludup oleh rakyat di seberang laut itu bukannya dibawa terus dari Malaysia tetapi dibawa dari negara-negara lain dan Malaysia hanya digunakan sebagai tempat perhentian atau penyaluran sahaja.

Walau bagaimanapun, pegawai-pegawai dari negara-negara yang berkenaan telah diberi penjelasan dan gambaran yang sebenarnya mengenai perkara ini samada semasa mereka mengunjungi negara ini atau semasa pegawai-pegawai Malaysia melawat negara-negara tersebut. Lain-lain tindakan yang telah dan sedang diambil ialah:

- (i) menambah beratkan lagi hukuman-hukuman bagi mereka yang didapati salah kerana menyeludup dadah.
- (ii) paspot-pasport mereka yang terlibat dibatalkan.
- (iii) kawalan yang lebih ketat dijalankan di semua pintu masuk/keluar terutamanya lapangan-lapanganterbang.

NAIB CANSELOR UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

4. Tuan Ngan Siong Hing (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pelajaran menyatakan mengapa permohonan Profesor Hamzah Sendut untuk membaharui tempohnya sebagai Naib Canselor Universiti Sains Malaysia ditolak; dan samada benar atau tidak salah satu sebabnya permohonan pembaharuan beliau itu ditolak ialah kerana pertelingkahan di antara beliau (Menteri Pelajaran) dengan Professor Hamzah Sendut terhadap nisbah pengambilan pelajar-pelajar di antara orang-orang Melayu dan bukan Melayu ke dalam Universiti tersebut, dan beri butir-butir lanjut.

Menteri Pelajaran (Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua, soal penolakan permohonan Naib Canselor

Universiti Sains Malaysia untuk memperbaharui tempoh perkhidmatannya tidak timbul kerana Tan Sri Professor Hamzah Sendut tidak membuat permohonan.

BANTAHAN GABUNGAN PER-NIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN

5. Tuan Ngan Siong Hing (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sebab-sebabnya mengenai bantahan oleh Gabungan Perniagaan dan Perindustrian China (Associated Chinese Chamber of Commerce and Industry) tentang perwakilan perdagangan yang dihantar ke Canton tahun ini untuk menghadiri Pameran Perniagaan Autumn

Tuan Mustapha bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, Gabungan Perniagaan dan Perindustrian China telah membuat bantahan tentang perwakilan perdagangan yang dihantar ke Canton tahun ini untuk menghadiri Pameran Perniagaan Autumn kerana tidak berpuas hati dengan pemilihan yang dibuat di atas pemohon-pemohon ke pameran ini. Ingin saya jelaskan di sini bahawa adalah tidak benar Kerajaan menyekat peniaga-peniaga barang-barang buatan Negeri China untuk melawat Pameran Perdagangan Canton. Seperti dinyatakan di dalam kenyataan Kementerian Perdagangan baru-baru ini pemilihan peniaga-peniaga yang memohon untuk menjadi ahli rombongan perdagangan ini dibuat oleh sebuah Jawatankuasa Pemilihan yang diwakili oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Kementerian Luar Negeri dan jabatan-jabatan yang berkenaan. Jawatankuasa ini membuat pemilihan peniaga-peniaga berasaskan kepada garis-garis yang telah ditetapkan dan yang telah dikuatkuasakan semenjak tahun 1972.

Semenjak tahun 1972 Jawatankuasa Pemilihan telah memilih jumlah pemohon-pemohon untuk rombongan Perdagangan ke Pameran Perdagangan Canton seperti berikut. Jadi angka-angka ini jelas menunjukkan bahawa tidak ada percubaan Kerajaan untuk menyekat mereka itu.

	<i>Jumlah</i>		
Tahun 1972	...	...	108
Tahun 1973	...	...	190
Tahun 1974	...	...	163
Tahun 1975	...	...	224
Tahun 1976	...	...	315

TUDUHAN RASUAH PEMBELIAN KAPAL PEJUANG F-5

6. Tuan Ngan Siong Hing (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Undang-undang menyatakan setakat peringkat manakah siasatan telah dibuat ke dalam tuduhan-tuduhan rasuah dan perkara-perkara tidak senonoh berkaitan dengan pembelian kapal pejuang F-5 daripada Syarikat Northrop oleh Tentera Udara di Raja Malaysia dan bilakah siasatan tersebut akan selesai.

Tuan Rais Yatim: Tuan Yang di-Pertua, jawapan saya bagi soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka semalam ada kaitannya dengan soalan yang dibangkitkan ini. Bagi makluman Ahli Yang Berhormat siasatan mengenai tuduhan-tuduhan rasuah dan perkara-perkara lain yang berkaitan dengan pembelian kapal pejuang F-5 daripada Syarikat Northrop oleh Tentera Udara di Raja Malaysia sedang giat dijalankan oleh Biro Siasatan Negara. Belumlah dapat dipastikan samada tuduhan-tuduhan tersebut mempunyai asas atau tidak. Beberapa perkara berkaitan dengan penyiasatan ini memerlukan penjelasan-penjelasan lanjut. Saya hanya dapat memberi jaminan bahawa pihak Biro Siasatan Negara akan berusaha bersungguh-sungguh untuk menyelesaikan siasatan tersebut dengan seberapa segera yang boleh.

PEKERJA-PEKERJA PEREMPUAN DI KILANG-KILANG

7. Tuan Ngan Siong Hing minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan samada beliau akan:

- (i) membuat undang-undang untuk melindungi pekerja-pekerja perempuan di kilang-kilang; yang ditekankan oleh majikan-majikan yang tidak bertanggungjawab;
- (ii) meminda Undang-undang Kesatuan Sekerja dengan membuat peruntukan mewajibkan mereka menjadi ahli kesatuan-kesatuan sekerja; dan
- (iii) membuat undang-undang menghukum majikan-majikan yang dengan sengaja melanggar perjanjian-perjanjian bersama seperti Kim Hong Knitting Factory Sdn. Berhad di Ipoh.

Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan Abdullah Majid): Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk mengadakan satu undang-undang yang baru kerana Ordinan Pekerjaan Tahun 1955 yang baru-baru ini telahpun dipinda ada sedia mengandungi peruntukan yang cukup bagi melindungi pekerja-pekerja wanita di kilang-kilang. Saya kurang faham apa cara tekanan yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat yang dilakukan oleh majikan terhadap pekerja-pekerja wanita, tetapi di dalam hal di mana pekerja-pekerja wanita dikehendaki bekerja di waktu malam di dalam kerja giliran atau shift work selepas pukul 10 malam, kebenaran bertulis hendaklah terlebih dahulu didapati daripada Yang Berhormat Menteri dan kebenaran ini diberi dengan syarat-syarat yang tegas bagi menentukan kebajikan dan keselamatan pekerja-pekerja wanita di kilang-kilang itu.

Perkara yang kedua, berkenaan dengan keanggotaan atau membership Kesatuan Sekerja, amalan yang berlaku di negara kita pada masa ini adalah berdasarkan kepada konsep sukarela iaitu seperti yang didapati di dalam peruntukan Ordinan Kesatuan Sekerja Tahun 1959. Ini adalah sejajar dengan sistem demokrasi berparlimen yang kita amalkan pada masa ini dan tidak ada diwajibkan mengundi, umpamanya. Oleh kerana itu Kerajaan tidak nampak sebarang alasan yang wajar untuk mengubah konsep gerakan Kesatuan Sekerja ini iaitu mewajibkan setiap pekerja menjadi ahli Union.

Berkenaan dengan yang ketiga, seperti hal yang terdahulu tadi Kerajaan tidak juga merasa perlu mengadakan undang-undang baru untuk menghukum majikan-majikan yang sengaja melanggar Perjanjian Bersama kerana peruntukan yang sama sedia ada terkandung di dalam Akta Perhubungan Perusahaan (Industrial Relations Act) Tahun 1967. Di bawah undang-undang ini bukan sahaja pihak majikan boleh dihukum jika melanggar apa-apa Perjanjian Bersama, tetapi pihak Kesatuan Sekerja atau orang-orang yang terikat dengan perjanjian itu juga terlibat sama.

Tuan Hishamuddin bin Haji Yahaya: Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan bahawa Kerajaan tidak memestikan seseorang pekerja itu memasuki union. Adakah Timbalan Menteri yang berkenaan sedar

bahawa ada pekerja-pekerja yang tidak dibenarkan oleh majikan menubuhkan union? Jadi, apakah jaminan Kementerian untuk menjaga welfare pekerja yang seperti ini?

Tuan Abdullah Majid: Tuan Yang di-Pertua, tidak ada sekatan terhadap sesiapa juga untuk menubuhkan union.

KEMALANGAN KAPALTERBANG NOMAD DI SABAH

8. Tuan Ngan Siong Hing (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perhubungan samada beliau akan melaporkan kepada Dewan ini hasil penyiasatan terhadap terhempasnya kapalterbang Nomad di Sabah yang membunuh Ketua Menteri Sabah, Tun Haji Mohamed Fuad dan sepuluh orang lagi dan nyatakan samada hempasan itu diakibatkan oleh kesalahan teknikal ataupun sabotaj.

Timbalan Menteri Perhubungan (Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff): Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bercadang hendak mengemukakan dalam Dewan ini laporan penuh peristiwa kemalangan kapalterbang "Nomad" kepunyaan Penerbangan Sabah dalam bulan Jun yang lalu itu. Walau bagaimanapun, penyiasatan tersebut yang dilakukan oleh satu pasukan penyiasatan telah berpendapat bahawa kemalangan itu adalah bukan dari kesalahan teknikal ataupun disebabkan sebarang sabotaj ke atasnya, tetapi ianya adalah didapati disebabkan oleh sebab-sebab kesilapan manusia ataupun "human error". Menurut penyiasatan itu adalah didapati bahawa tempat muatan barang-barang di sebelah belakang kapalterbang tersebut telah dimuatkan lebih dari had maksima muatan yang dibenarkan. Dengan demikian, ini telah mengakibatkan kehilangan kawalan penerbangan pada kapalterbang tersebut tatkala kapalterbang itu hendak membuat persiapan untuk mendarat di Lapangan Terbang Kota Kinabalu yang menyebabkan kemalangan tersebut berlaku.

PROJEK PERTANIAN DI BAHAGIAN KETUJUH, SARAWAK

9. Tuan Sibot Miyut Anak Tagong minta Menteri Pertanian menyatakan apakah projek-projek pertanian yang sedang dirancang untuk negeri Sarawak di bawah Rancangan Malaysia Ketiga yang akan memberi faedah

kepada penduduk-penduduk luar bandar dan berapakah daripada projek-projek tersebut diuntukkan bagi Bahagian Ketujuh.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Edmund Langu anak Saga): Tuan Yang di-Pertua, di antara beberapa projek yang telah dirancang ialah mempelbagaikan tanaman ekonomik dan melaksanakan skim subsidi bagi jenis-jenis tanaman seperti getah, lada hitam, padi, kelapa, kopi, koko, kelapa sawit, clove, nutmeg dan tanaman kontan seperti jagung, kacang tanah dan kacang soya. Selain daripada itu, bantuan terus akan diberikan bagi pemeliharaan ternakan dan pembinaan kolam-kolam ikan air tawar pekebun-pekebun kecil.

Mengenai Projek-projek yang dicadangkan bagi Bahagian Ketujuh di antara lain, termasuklah rancangan-rancangan subsidi.

(a) Pertanian.

- (1) Rancangan tanaman getah—tanaman semula 1,150 ekar. Tanaman baru 2,100 ekar.
- (2) Bantuan kepada padi 642 ekar.
- (3) Penanaman dua kali padi 160 ekar.
- (4) Subsidi lada hitam 480 ekar
- (5) Kopi 480 ekar.
- (6) Pokok buah-buahan 1,280 ekar.
- (7) Lain-lain pokok jangka panjang 325 ekar.
- (8) Yunit ladang 325 ekar.
- (9) Jagung 1,340 ekar.
- (10) Kacang soya 165 ekar.
- (11) Kacang tanah 335 ekar.
- (12) Lain-lain tanaman kontan 900 ekar.

(b) Ternakan.

- (1) Lembu 26 yunit.
- (2) Kambing 17 yunit.
- (3) Memperbaiki ternakan ayam 31 yunit.
- (4) Babi 90 yunit; dan

(c) Ikan air tawar.

Subsidi kolam air ikan 100 ekar.

TAYANGAN GAMBAR "THEY SOLD A MILLION"

10. Tuan Hishamuddin bin Haji Yahaya minta Menteri Penerangan menyatakan mengapakah Menteriannya membenarkan

tayangan gambar menunjukkan penari-penari separuh bogel pada malam 29hb Julai, 1976 di dalam rancangan "They Sold a Million" sedangkan gambar seperti itu adalah bertentangan dengan ugama Islam dan kebudayaan nasional. Adakah pihak Kementerian masih berminat untuk menayangkan gambar seperti itu di masa-masa akan datang.

Timbalan Menteri Penerangan (Datuk Seri Haji Kamaruddin bin Mohd. Isa): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat ini. Bagi menjelaskan Kementerian ini tidak berminat dan tidak menggalakkan tayangan gambar yang difikirkan boleh merosakkan moral masyarakat oleh pihak Lembaga Penapis. Rancangan ini telah diluluskan oleh Lembaga Penapis Filem-filem Rancangan. Dalam rancangan tersebut penari-penari yang diagakkan separuh bogel tidaklah ada dalam rancangan tersebut.

Tuan Hishamuddin bin Haji Yahaya: Soalan tambahan. Ada perbezaan di antara pandangan saya dengan pengertian Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai dengan istilah separuh bogel. Saya ingin bertanya samada pakaian seperti yang dipakai oleh penari-penari malam itu dan jika penari-penari berpakaian seperti itu samada filem seperti itu akan ditayangkan pada masa hadapan?

Datuk Seri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa: Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri terpaksa mengulang dan menengok sekali lagi walaupun sudah tengok pada malam 29hb itu. Filem itu ada 5 scenes yang sebenarnya dan kalau kita tengok dalam babak pertama semua pakaian penuh sekali tetapi ada satu babak, saya tidak menafikan di antara 5 babak itu ada satu babak yang bernama "These boots are made for walking". Jadi dia hendak tunjuk bentuk-bentuk kasut, kasut yang bersarung panjang sampai ke lutut. Jadi masa itu adalah juga barangkali yang berpakaian seluar pendek tetapi kalau dari segi untuk menyatakan mendedah banyak sebagai, maaf, macam pakai seluar mandi atau bercawat tidaklah ada yang boleh nampak yang di celah, tetapi walau bagaimanapun saya bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat babak seperti itu akan dipotong pada masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi Ahli Yang Berhormat sendiri sudah tengoklah gamaknya?

Datuk Seri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa: Terpaksa kena tengok lagi sekali hendak mengesahkan.

Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais: Soal tambahan. Apakah pandangan Timbalan Menteri berkenaan jika saya katakan bahawa gambar-gambar seperti itu juga perlu bagi memuaskan hati penonton-penonton sekali sekala?

Tuan Yang di-Pertua: Itu rasa saya pada bab soalan kalau minta fikiran, Peraturan Mesyuarat kita tak benarkan. Tetapi kalau Menteri hendak jawab silakan.

Datuk Seri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa: Soalan itu pada pandangan saya Ahli Yang Berhormat itu hendak menjebak saya. Jawapannya filem seperti itu tidaklah kita galakkan kalau kita sedar bahawa babak itu menjolok mata dan merosakkan kesusilaan dan keperibadian kebudayaan kita, maka kita tidaklah menggalakkan.

Tuan Mohd. Sopiee bin Sheikh Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, untuk menentukan perkara yang kami semua dengar sahaja ceritanya tak dapat tahu dengan sepenuhnya, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri berkira supaya kita semua dapat juga ditayangkan sekali lagi gambar itu supaya dapat memberi puas hati kepada kami?

Datuk Seri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa: Tuan Yang di-Pertua, kalau Ahli-ahli Yang Berhormat suka buat begitu pihak Kementerian bersedia dan bolehlah menayangkan, barangkali dalam tempoh persidangan ini kita boleh tayangkan filem itu.

Tuan Yang di-Pertua: Dengan jamuan teh sekalilah!

JAWATANKUASA MENTERI MENGENAI PERLAKSANAAN DASAR PELAJARAN KEBANGSAAN

11. Dr Tan Chee Khoo minta Menteri Pelajaran menyatakan bilakah Jawatankuasa Kabinet yang menyemak semula sistem pelajaran akan menghabiskan tugasnya dan kemukakan lapurannya.

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Pelajaran juga menjadi Timbalan Perdana Menteri dan tugas-tugasnya bertambah dengan pesat, lapuran Jawatankuasa Menteri mengenai pelaksanaan Dasar Pelajaran Kebangsaan terpaksa mengambil masa yang lebih panjang daripada yang dijangka. Mengikut kemajuan yang telah dicapai adalah dipercayai lapuran tidak dapat disiapkan sebelum genap enam bulan dari sekarang.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan. Sebelum daripada ini Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pelajaran juga telah menyatakan "tidak berapa lama lagi lapuran itu akan disemak dan akan diumumkan". Tetapi malangnya pada hari ini beliau menyatakan lapuran itu akan mengambil masa 6 bulan lagi. Adakah beliau sedar perkara ini penting oleh sebab baru-baru ini telah timbul masaalah "ponteng sekolah" khasnya di Kelantan? Dan baru-baru ini ada satu seminar tentang curriculum di sekolah berkenaan di tanahair kita menunjukkan beberapa masaalah yang penting untuk pelajaran di tanahair kita. Oleh kerana itu bolehkah Yang Amat Berhormat Menteri mempercepatkan lagi proses menyiapkan lapuran itu supaya Kerajaan boleh mengambil tindakan untuk mengatasi beberapa masaalah terhadap pelajaran di tanahair kita?

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, kita kenal masaalah-masaalah itu dan kita mengakui bahawa masaalah itu perlu diatasi, malangnya tiap-tiap kali kita mengkaji masaalah yang ada kaitan dengan pelajaran, pendapat antara semua yang terlibat adalah bertentangan. Umpamanya, berkenaan dengan masaalah ponteng sekolah ada yang berkata bahawa kita patut ketatkan disiplin, ada yang menyatakan kita patut longgarkan disiplin, ada pula yang berkata bahawa disiplin murid perlu diuruskan oleh murid-murid sendiri dan ada pula yang berkata bahawa mengikut lapuran seorang pemberita yang bertemu dengan murid-murid yang ponteng itu masaalahnya bukanlah terletak pada mereka tetapi masaalah terletak kepada guru-guru. Jadi kalau pendapat-pendapat itu banyak yang bertentangan, tidaklah mudah kita mengambil masa yang cepat untuk menentukan apakah yang patut dibuat untuk melaksanakan Dasar Pelajaran Kebangsaan itu dengan lebih sempurna dan berkesan.

SEKOLAH MENENGAH DI PERMATANG PAUH

12. Tuan Ariffin bin Haji Daud minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau sedar bahawa dalam kawasan Parlimen Permatang Pauh tidak ada satu pun sekolah menengah penuh. Jika sedar adakah beliau bercadang mengadakan sebuah sekolah menengah penuh di kawasan tersebut.

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar akan perkara ini. Walau bagaimanapun, Kementerian Pelajaran tidak ada cadangan untuk membina sebuah sekolah menengah penuh di kawasan Parlimen Ahli Yang Berhormat itu dibuat masa ini.

Tuan Ariffin bin Haji Daud: Kalau begitu adakah Menteri berkenaan bercadang akan mendirikan sebuah sekolah menengah penuh pada masa yang tidak lama lagi?

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, biasanya kita membuat rancangan untuk 5 tahun, dalam jangka masa 5 tahun itu kita telah menentukan sekian banyak perbelanjaan, kita tidak boleh belanja lebih daripada itu dan kalaulah kita hendak mempercepatkan apa yang lambat, terpaksa kita lambatkan apa yang sudah dicepatkan.

M.C.A. MUAR MENUBUHKAN CAWANGAN PARTI DI SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN CHINA PAGOH

13. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah tindakan yang telah diambil terhadap pihak Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan China Batu 19, Pagoh, Muar, yang membenarkan Parti M.C.A. menggunakan sekolah tersebut untuk tujuan menubuhkan cawangannya pada 2hb April, 1976, memandangkan kepada jaminan yang diberikan pada sidang Parlimen yang lalu bahawa sekolah-sekolah tidak boleh digunakan untuk kegiatan-kegiatan politik.

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian tidak mendapat maklumat tentang kejadian ini kerana Pejabat Pelajaran Johor telah tidak diberitahu. Kementerian Pelajaran bercadang untuk mengarahkan Pejabat Pelajaran Johor

menyiasat mengenai perkara ini dan menghantar laporan itu ke Kementerian ini. Tindakan yang sewajarnya akan diambil berdasarkan kepada keputusan penyiasatan itu.

SYARIKAT APERA SDN. BHD. AJEN TEMPATAN KAPAL SPICA-M

14. Tuan Farn Seong Than minta Menteri Pertahanan menyatakan siapakah ajen-ajen tempatan untuk kapal "Fast Strike Crafts" jenis SPICA-M.

Timbalan Menteri Pertahanan (Tuan Mokhtar bin Haji Hashim): Tuan Yang di-Pertua, ajen tempatan bagi Syarikat yang membina kapal tersebut ialah Syarikat Apera Sendirian Berhad.

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya kepada Timbalan Menteri berkenaan masalah SPICA-M ini telah ditimbulkan semenjak persidangan Parlimen sampai hari ini. Adakah Timbalan Menteri sedar nampaknya golongan "frustrasi" yang tak dapat tender itu telah berjaya menggunakan Parti Pembangkang menyuarakan kehendak mereka dalam Parlimen?

Tuan Yang di-Pertua: Itu tak bersangkutan dengan soalan asal, ia minta nama ajen tempatan. Nama sudah diberi, selesailah.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBAHKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Menteri Tak Berpotfolio (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 12, apabila tamat mesyuarat hari ini Dewan ini hendaklah ditangguhkan sehingga pukul 3.45 petang hari Jumaat, 29hb Oktober, 1976.

Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 12, apabila tamat mesyuarat hari ini Dewan ini hendaklah ditangguhkan sehingga pukul 3.45 petang hari Jumaat, 29hb Oktober, 1976.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG LETRIK (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.00 ptg.

Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dr Goh Cheng Teik): Tuan Yang di-Pertua, saya memohon bahawa suatu Rang Undang-undang yang bernama "Suatu Akta bagi meminda Akta Letrik, 1949" dibaca bagi kali yang kedua.

Dengan seberapa ringkasnya saya suka menerangkan bahawa tujuan pindaan ini ialah untuk mengadakan peruntukan di bawah Akta Letrik 1949 bagi memberi kuasa kepada Lembaga Letrik Negara (L.L.N. bertindak selaku penjamin di dalam keadaan-keadaan di mana ia mempunyai kepentingan kewangan secara langsung di dalam perkara-perkara di mana L.L.N. dikehendakki menjadi penjamin.

Sebagai sebuah perbadanan, Lembaga Letrik Negara pada masa sekarang ini telah diberi kuasa di bawah Akta Letrik 1949, untuk melibatkan diri di dalam perusahaan-perusahaan seperti kontrak, pembelian, pemilikan, pinjaman dan lain-lain lagi. Pindaan yang dicadangkan adalah dengan ini merupakan perluasan yang sewajarnya kepada kuasa-kuasa yang telah dimiliki oleh L.L.N. supaya tugas-tugas dan kuasa-kuasa tersebut di bawah Akta ini dapat dijalankan dengan lebih licin.

Seterusnya, di bawah Seksyen 15 Akta ini yang telah dipinda baru-baru ini, L.L.N. telah diberi kuasa untuk melibatkan diri sepenuhnya di dalam sebarang perlibatan perindustrian yang berkaitan dengan letrik terutama sekali di dalam perusahaan membuat dan memasang loji-loji dan alatan-alatan letrik. Sejajar dengan kuasa-kuasa yang diberi

di bawah Seksyen 15 Akta ini, L.L.N. pada masa sekarang dengan giatnya melibatkan diri membentuk syarikat-syarikat usahasama. Syarikat-syarikat ini memerlukan pinjaman wang dari institusi-institusi kewangan untuk menjalankan kegiatan mereka dan institusi-institusi ini sebagaimana biasa memerlukan suatu jaminan untuk pinjaman tersebut daripada pemegang saham utama Syarikat tersebut iaitu L.L.N. Walau bagaimanapun pada masa ini, L.L.N. tidak ada kuasa untuk bertindak selaku penjamin dan percubaan-percubaan untuk bertindak sedemikian telah ditolak kerana tidak ada kuasa tertentu di dalam Akta yang memberi L.L.N. hak bertindak selaku penjamin. Dengan hal yang demikian, syarikat-syarikat usahasama L.L.N. pada masa sekarang mengalami masalah-masalah kewangan.

Oleh itu pindaan yang dicadangkan ini ialah bertujuan hendak membetulkan kekurangan ini dan membolehkan L.L.N. bertindak sebagai penjamin. Kuasa seperti ini adalah perlu untuk memenuhi kehendak-kehendak perdagangan yang harus dihadapi oleh L.L.N. jika sekiranya ia hendak menjalankan kuasa-kuasa yang berkaitan dengan perlibatannya di dalam bidang perindustrian dengan berkesan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Paul Leong Khee Seong): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

3.05 ptg.

Raja Nasron bin Raja Ishak (Kuala Selangor): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan tetapi disamping itu saya suka membuat teguran-teguran supaya perkara-perkara yang saya dapati tidak begitu menyenangkan pada masa-masa yang lampau dapat dikurangkan atau dihapuskan sekali.

Tuan Yang di-Pertua, tidak payah kita memandang jauh di dalam Lapuran Juru Odit Negara yang telah disampaikan kepada kita daripada satu masa ke satu masa kita dapati banyak perkara-perkara yang tidak begitu baik, tidak begitu mengikut pentadbiran dilakukan oleh Lembaga Letrik Negara. Jadi dengan kuasa yang sebegitu

luas diberi kelak oleh Rang Undang-undang ini kalau tidak ada pengawasan yang ketat, saya berpendapat kuasa itu mungkin disalahgunakan. Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan bahawa kuasa ini adalah satu kuasa memberi L.L.N. untuk jadi penjamin kerana L.L.N. pada masa ini aktivitiya juga di dalam bidang perusahaan dan perindustrian dan melibatkan diri menubuhkan syarikat-syarikat usahasama. Pendek kata kuasa ini adalah membolehkan pihak-pihak yang berkuasa dalam L.L.N. menjamin bukan satu dua juta pinjaman kelak tetapi berpuluh juta. Apa yang saya hairan jika L.L.N. hendak membuat syarikat ataupun perusahaan usahasama, tentu sahaja rakan yang dipelawanya membuat syarikat usahasama itu juga seorang rakan ataupun beberapa rakan yang sama-sama kuat dengan L.L.N. Saya khuatir jika rakan-rakan usahasama ini daripada penanam-penanam modal seberang laut ataupun penanam-penanam modal tempatan yang hanya hendak menggunakan L.L.N. sebagai batu loncatan ataupun sebagai tangga untuk mendapatkan sesuatu kemudahan terutamanya kemudahan untuk meminjam wang, saya berharap dan saya meminta pihak L.L.N. berwaspada supaya jangan perkara-perkara ini terjadi.

Saya juga suka menyentuh satu perkara yang lain iaitu berkenaan dengan kuasa yang diberi kelak kepada pihak L.L.N. berkenaan dengan kontrek-kontrek terutamanya kontrek bekalan. Pada masa ini, Tuan Yang di-Pertua, kita telah melihat beberapa pegawai-pegawai kanan L.L.N. sesudah bersara bekerja dengan syarikat-syarikat international yang pada satu masanya dahulu menjadi pembekal-pembekal L.L.N. Soalan yang timbul, mengapa maka pegawai-pegawai kanan L.L.N. ini diterima oleh syarikat-syarikat tersebut bekerja dengan mendapat bayaran yang lumayan, walhal kalau dilihat rekod L.L.N. bekalan-bekalan untuk mendapat transformer, bekalan-bekalan untuk mendapat cable, bekalan-bekalan untuk membekalkan electric meters dan sebagainya berturut-turut diberi kepada syarikat-syarikat itu sahaja. Saya percaya ini adalah satu tanda yang tidak sihat dan saya berharap dapat kawalan-kawalan dibuat supaya peluang bekalan ini juga dapat kepada pihak-pihak yang lain.

3.09 ptg.

Wan Zainab binti M. A. Bakar (Sungai Petani): Tuan Yang di-Pertua, memandangkan sudah hampir 20 tahun kita telah Merdeka dan masih banyak lagi kampung-kampung di dalam bandar dan luar bandar masih menggunakan lampu-lampu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, nanti sekejap. Kita sekarang ini membahaskan Rang Undang-undang Letrik (Pindaan). Waktu kita membahaskan sesuatu Rang Undang-undang Pindaan, hendaklah kita tujukan kepada apa-apa butir keterangan atas pindaan itu sahaja, tidak boleh kita melarat. Tadi saya dengar Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor menyentuh perkara-perkara yang tidak bersangkutan-paut dengan pindaan Rang Undang-undang ini. Dengan jalan itu kita menjimatkan masa Dewan, tidak bermakna menyalah-fahamkan. Sila tumpukan kepada pindaan Rang Undang-undang ini. Jikalau hendak tegur di atas pindaan Rang Undang-undang ini, sila.

Wan Zainab binti M. A. Bakar: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang Letrik (Pindaan) memandangkan bahawa selepas beberapa tahun kita Merdeka banyak lagi kampung-kampung yang tidak dapat letrik. Jadi, memandangkan kepada Rang Undang-undang ini terlalu baik, maka saya menyokong atas pindaan ini, tetapi satu perkara yang saya suka timbulkan di sini iaitu banyak syarikat atau badan-badan yang lain yang memberi letrik di kampung-kampung di mana pengguna membayar letrik dengan begitu mahal, dan apabila kita bertanya kepada syarikat-syarikat ini, mereka berkata iaitu mereka menggunakan minyak diesel dan kepada si pengguna tadi satu yunit lebih daripada 40 sen dan apabila kita mendengar

Tuan Yang di-Pertua. Ini Yang Berhormat buat perkara am dan tidak bersangkutan-paut dengan pindaan ini. Waktu Ucapan Belanja-wan bolehlah dikeluarkan ini semua.

Wan Zainab binti M. A. Bakar: Jadi Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana berkaitan dengan letrik ini dengan apa yang disebutkan di dalam Akta tadi

Tuan Yang di-Pertua: Dalam Akta memberi kuasa kepada L.L.N. memberi jaminan itu sahaja.

Wan Zainab binti M. A. Bakar: Ya, Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya menyokong Akta ini yang mana memberi kuasa kepada L.L.N. sebagai penggerenti. Jadi apabila L.L.N. ini ada kuasa yang lebih maka tidak adalah badan yang serupa yang saya katakan tadi mengambil kesempatan membekalkan letrik di kampung-kampung dengan menggunakan minyak disel dan sebagainya dan rakyat yang menderita sampai 40 sen hingga 50 sen seunit. Kalau pengguna itu menggunakan lebih 40 yunit terpaksa membayar lebih. Jadi dengan adanya pindaan-pindaan ini, saya menyokonglah dengan sebab apabila Lembaga itu ada kuasa dapatlah dijalankan tugas-tugas dengan lebih baik lagi.

3.11 ptg.

Tuan Mohamed Sopiee bin Sheikh Ibrahim (Kepala Batas): Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Bill ini dan saya berharap dengan pindaan ini pihak L.L.N. akan dilengkapi dengan kuasa yang sepenuhnya untuk menjalankan tugasnya dengan tidak lagi timbulnya sungutan dari mana-mana pihak sekalipun. Sekiranya belum cukup kuasa, saya harap pihak Kementerian akan berusaha mengadakan pindaan-pindaan yang lain yang sesuai semacam ini untuk memberi kuasa secukupnya kepada L.L.N. Saya timbulkan satu dua perkara, sebab saya tidak dapat pastikan samada ini timbul daripada kekurangan kuasa yang patut diberi ataupun samada kuasa yang ada pada L.L.N. ini tidak digunakan sepenuhnya.

Satu dua contoh yang saya akan kemukakan; pertama, misalnya, kesukaran yang dihadapi oleh kilang-kilang baru ataupun kompleks-kompleks baru yang terpencil, yang jauh daripada tempat mana ada bekalan letrik masa sekarang. Apabila diminta L.L.N. membekalkan bekalan letrik, pengusaha atau Perbadanan-perbadanan Awam seperti L.P.N. terpaksa menanggung segala perbelanjaan yang sepenuhnya untuk memulakan bekalan termasuklah segala perbelanjaan memasang talian hubungan letrik dan sebagainya. Akan tetapi apabila sudah tertubuh, orang lain akan datang berdamping, mendapat nikmat segala perbekalan ini, tidak kena bayaran apa-apa

langsung tentang capital costnya. Cuma orang yang mula sahaja yang menanggungnya. Ini pada fikiran saya menghalang pertumbuhan pesat usaha-usaha untuk memulakan faktori-faktori ataupun kompleks di tempat-tempat yang jauh daripada bandar, jauh daripada tempat-tempat yang mana sekarang sudah memang ada bekalan letrik. Jadi kalau begitu kawasan-kawasan yang kita hendak utamakan khasnya di luar bandar untuk menarik perusahaan dan sebagainya terjejas. Ini saya sebutkan, saya tidak tahu samada kuasa sudah ada, tidak dipakai ataupun belum ada kuasa. Kalau belum ada kuasa patut diberi kuasa supaya membolehkan L.L.N. bertindak secara adil menanggung dahulu capital cost itu dan kutip sedikit-sedikit daripada semua orang yang masuk ataupun sebaliknya kalau memaksa entrepreneur ataupun badan-badan awam yang mengeluarkan belanja cost ini dibolehkan mereka kutip balik contributionnya pada orang-orang lain yang datang kemudiannya untuk menikmati bekalan. Itu satu perkara yang saya berharap Yang Berhormat Menteri akan mengambil perhatian dan barangkali akan dapat memastikan dengan pihak L.L.N. samada amalan ini dapat dikaji.

Kedua, samada ini soal kuasa ataupun tidak cukup ialah berkenaan dengan ke-lambatan membekalkan bekalan letrik ke kampung-kampung termasuk di dalam kawasan pilihanraya saya sendiri, yang mana sudah disetujui di dalam Majlis Tindakan Daerah, sudah diterima pada dasarnya akan tetapi sudah berbulan-bulan, bertahun-tahun tidak dijalankan. Di antara lain-lain sebab ialah kerana membayar ganti rugi kepada tuan-tuan punya pokok yang terpaksa menebang pokoknya untuk mendirikan tiang-tiang letrik dan sebagainya. Tetapi di setengah tempat kononnya dipotong dengan tidak bayar apa-apa. Setengah tempat pula dipotong dengan membayar. Dan bila ada setengah-setengah tempat yang tuan punya pokok setuju supaya pokoknya dipotong melainkan dengan bayaran ganti rugi, terjejaslah segala rancangan yang telah disetujui tadi, tidak dapat dihubungkan, tidak dapat diadakan tiang-tiang, tidak dapat diadakan dawai-dawai masuk. Jadi apa yang telah disetujui oleh segala pihak tadi, tidak dijalankan. Saya berharap pihak L.L.N. akan mengkaji perkara ini sekiranya sudah menjadi dasar untuk membayar ganti rugi untuk tuan-tuan punya pokok-pokok yang

terpaksa memotong pokoknya dan juga memberi kebenaran untuk mendirikan tiang-tiang atau memasang talian letrik masuk; bayarlah semua janganlah bertawar-tawar, bertegang sampai berbulan-bertahun kerana orang yang menunggu dan menanti cahaya letrik dan segala kemudahan selama ini masih menunggu lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat tolong dengar akan pesanan saya tadi. Ini sudah melarat bawa perkara-perkara yang tidak sangkut-paut langsung dengan Bill ini.

3.17 ptg.

Dr Tan Chee Khoon (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bercakap sedikit sebanyak, dengan izin, saya hendak sentuh lain sedikit daripada apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Wakil dari Kepala Batas, tetapi tentang kewangan juga.

Tuan Yang di-Pertua: Akta ini memberi kuasa kepada L.L.N. menjadi penjamin, itu sahaja. Kalau kita hendak melarat kepada perkara apa patut L.L.N. buat begitu-begini, maka di dalam Ucapan Belanjawan nanti, boleh dikaitkan semua.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong kuasa Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan ingin dapat daripada Dewan pada petang ini. Dan saya juga hendak menarik perhatian beliau atas salah-guna kuasa ini atau atas salah-guna wang dan kemudahan-kemudahan di bawah L.L.N.; yang membuat kerja-kerja L.L.N. tetapi meminjam wang atas guarantee daripada L.L.N.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau mengikut jalan itu, boleh. Kalau bimbang hendak jadi penjamin kerana takut rugi atau sebagainya, boleh.

Dr Tan Chee Khoon: Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membangkitkan satu perkara sahaja kerana masa ada sedikit sahaja lagi iaitu tentang masalaah kewangan

Tuan Yang di-Pertua: Masa kita banyak, tidak apa, boleh (*Ketawa*).

Dr Tan Chee Khoon: Tadi wakil daripada Kepala Batas telah membangkitkan samada adil kalau sekiranya L.L.N. membina satu sub-station yang besar tetapi bekalan letrik dinikmati bukan sahaja oleh L.L.N. tetapi juga oleh orang lain yang tidak bayar satu sen pun.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak membangkitkan satu perkara iaitu ada sekumpulan barangkali 100 orang penduduk-penduduk miskin yang ingin pindah ke suatu tempat yang as the crow flies barangkali empat batu jauhnya daripada sini tetapi dalam kawasan luar bandar. Saya telah berhubung dengan pegawai-pegawai L.L.N. dan didapati perbelanjaan untuk membina suatu sub-station itu \$75,000, Tuan Yang di-Pertua.

Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan, bagaimanakah sekumpulan 100 orang miskin yang ingin membina sebuah rumah tiga, empat atau lima ribu ringgit sahaja dan untuk membayar \$75,000 untuk satu sub-station. Ini bermakna tiap-tiap orang yang ingin meminta di sana kena membayar \$705 untuk satu sub-station sahaja bukan, bukan membawa bekalan letrik ke rumah mereka. Saya berharap dengan persetujuan saya di dalam Dewan ini atas pindaan Rang Undang-undang ini, Yang Berhormat Timbalan Menteri bolehlah menyiasat dengan L.L.N. supaya orang-orang miskin yang ingin berpindah ke luar bandar—membina rumah yang kecil boleh dikatakan sebagai pondok tidak payah membayar begitu banyak, lebih baik di bawah Rancangan Rural Electrification bahawa L.L.N.; Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri boleh membayar wang yang perlu untuk membina satu sub-station.

3.23 *ptg.*

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim (Setapak): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Suatu Akta bagi meminda Akta Letrik 1949. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan, iaitu L.L.N. diberi kuasa membolehkan bertindak sebagai penggerenti kepada mana-mana orang; perkataan “orang”, saya tidak berapa faham. Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, kerana kalau L.L.N. sebagai penggerenti kepada orang, saya ingat ianya kepada organisation ataupun satu badan yang tertentu adalah menasabah sedikit, ini kepada orang perseorangan. Dalam

perkara yang mana Lembaga itu ada kepentingan kewangan secara terus, bagaimana “orang” ini L.L.N. boleh menggerenti kepadanya, ini saya hendak minta penjelasan daripada pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, ingin juga saya minta penjelasan, apakah cagaran yang dikenakan oleh L.L.N. kepada semua jaminan ataupun gerenti terhadap segala jaminan kalau hendak digerentikan, kerana kita tidak mahu nanti L.L.N. menjadi penggerenti, kemudian bila terjadi apa-apa hal, L.L.N. teruk kena bayar, L.L.N. kita juga yang punya dan orang yang berkenaan itu terlepas lari, apakah cagaran yang tertentu yang boleh menjamin kedudukan L.L.N. apabila menjadi penggerenti dalam perkara ini.

Yang ketiga, Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan mengenai rate of interest. Adakah akan dikenakan sebagai bunga apabila L.L.N. menjadi penggerenti seperti bank misalnya, itu kita tahu, apabila dia menjadi penggerenti kepada sesuatu jaminan, dia dikenakan bunga yang tetap kepada orang-orang yang memohon, yang mendapatkan gerenti itu walaupun tidak menggunakan duit bank, jadi adakah sistem itu juga digunakan oleh pihak L.L.N. Dan harap saya juga, Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya Akta ini kelak, dapatlah L.L.N. akan mempercepatkan, menolong pembangunan negara ini, kerana pada hari ini kita dapati beberapa kompleks pembangunan ataupun tempat-tempat perniagaan yang telah didirikan selalunya tempat-tempat itu tidak dapat diisikan ataupun digunakan kerana kelambatan pihak L.L.N. menghantar bekalan, dan jawapan daripada L.L.N. ialah kerana tidak cukup kebel, tidak cukup alat-alat pemasangan dan lain-lainnya dan adakah dengan Akta ini L.L.N. boleh menggerenti kepada seseorang ahli perniagaan, misalnya untuk mengambil bekalan, adakah ini maksud dan tujuan Akta ini.

3.25 *ptg.*

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus (Dungun): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun turut menyokong Akta Letrik yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan

Menteri yang berkenaan. Sokongan ini memandangkan kepada kehendak dan tujuan pihak L.L.N. yang hendak melibatkan diri dalam bidang perdagangan dan perindustrian di mana mengikut keterangan yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi bahawa sekarang ini pihak L.L.N. telahpun menubuhkan syarikat usahasama dengan pihak swasta. Ini baik benar, kerana sekurang-kurangnya pihak L.L.N. sendiri dapat mengawal dan menjaga pengeluaran mengenai perkara yang berkaitan dengan letrik.

Tuan Yang di-Pertua, di masa yang lalu memang kita dapati alat-alat yang berhubung dengan letrik ini tidak ada di negara kita disebabkan bermacam-macam kekurangan yang terpaksa kena order dari luar negeri—impot dari luar negeri. Dan sekarang nampaknya hasrat yang dikemukakan oleh pihak L.L.N. untuk mengadakan perusahaan-perusahaan ini dengan mengadakan perkongsian amatlah baik sekali. Cumanya saya hendak sebutkan ialah tentang pengawalan oleh pihak L.L.N. hendaklah benar-benar berwaspada, kerana banyak usahasama yang pihak perbadanan Kerajaan melibatkan diri di dalam usahasama ini yang selalunya mengalami kerugian, kadang-kadang pihak partner—perkongsian usahasama dari luar negeri ini bijak benar dalam mengemukakan kertas kerjanya yang dapat diterima oleh pihak kita, tetapi apakala kita melaksanakan kerja-kerja yang dikemukakannya itu setelah kita mengadakan perkongsian dengan mereka, hasilnya kita beli alat-alat daripada negeri mereka dan apakala dibuat di negeri kita, di dapati rugi. Banyak benar contoh-contohnya samada di peringkat rendah, peringkat perbadanan Negeri, peringkat perbadanan Persekutuan dan sebagainya banyak perkara-perkara ini telah berlaku. Jadi, apa yang saya hendak sebutkan ialah supaya pihak pegawai-pegawai di dalam L.L.N. ini benar-benar mengawal supaya tidak terjadi apa yang saya katakan itu, kerana kadang-kadang pihak kita ini terpesong dengan kelincahan oleh orang-orang luar yang mengemukakan pandangan-pandangannya. Banyak contoh-contoh yang saya boleh sebutkan di sini samada oleh badan-badan yang kecil atau badan-badan yang besar dan saya rasa tidak payah saya sebutkan kerana ini adalah untuk kepentingan kita juga.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengharapkan supaya pihak L.L.N. mengkaji benar-benar apakah benda yang perlu dikeluarkan di negeri kita oleh pihak syarikat usahasama yang L.L.N. melibatkan diri di dalamnya, samada untuk dalam negeri ataupun untuk diekspot keluar negeri. Kalau untuk dalam negeri pun banyak, sebab sekarang ini ramai orang terpaksa pergi ke Singapura kerana membeli alat-alat letrik seperti kontrektor-kontrektor yang ada di seluruh negeri kita ini. Tetapi dalam hal ini, kita berasa dukacita kerana kontrektor-kontrektor yang saya sebutkan itu boleh dikatakan sebahagian besarnya tidak bumiputra—kurang bumiputra. Saya harap supaya L.L.N. mengambil perhatian benar apabila ia melibatkan diri dalam bidang perusahaan dan perkilangan dan ejen-ejennya dan juga kontrektor-kontrektornya benar-benar menggambarkan Dasar Ekonomi Baru iaitu bumiputra akan melibatkan diri dalam bidang-bidang yang berkenaan, tidak seperti sekarang—payah untuk mendapatkan lesen, memang payah. Saya berani mengatakan memang payah kalau bumiputra memohon 10, kalau dapat 3 pun mujur samada hendak dapat lesen letrik, hendak jadi chargemen ataupun wiremen, memang payah; banyak problem-problem yang dihadapi oleh bumiputra. Saya harap pihak L.L.N. samada peringkat atas, peringkat rendah, peringkat menengah faham atas perkara ini supaya memberi kerjasama kepada bumiputra. Jangan seperti keadaan yang ada sekarang. Ini perhatian dan saya harap pihak yang berkenaan di dalam L.L.N. khasnya orang-orang yang melakukan pemeriksaan harus mengawali hal ini dengan sebenar-benarnya. Saya tidak mahu sebutkan satu persatu dalam hal ini. Saya rasa pihak yang berkenaan faham apa yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini saya harap dengan lulusnya Akta ini; pada masa yang lalu iaitu perubahan dalam seksyen 15 dan sekarang ini perubahan pula dalam seksyen 18, maka kegendalaan sebagaimana yang disebutkan oleh kawan-kawan saya Ahli-ahli Yang Berhormat tadi tidak akan berlaku. Di tempat saya pun begitu juga, sudah didirikan tiang macam-macam tidak ada, ada yang kata tidak ada transformer, tidak ada cable dan sebagainya. Ini kegendalaan dan orang-ramai kata kita pandai diri tiang tetapi tidak pandai beri api. Jadi, saya harap pada masa akan datang tidak akan berlaku lagi perkara seperti ini.

Pada akhirnya, saya menyokong Rang Undang-undang ini.

3.31 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut menyokong Rang Undang-undang yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, kita telah menjadi penjamin. Saya berharap dengan kita menjadi penjamin yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi biarlah kita mengadakan syarat-syarat supaya penjamin kita itu membawa kebaikan kepada negara kita khasnya yang berbilang kaum sebagaimana yang disebutkan oleh Wakil-wakil Rakyat tadi. Saya juga sangat bersetuju tentang kita hendak memberi pinjaman itu menjamin biarlah kepada mengseimbangkan kaum yang kita tengok hari ini sangatlah terlampau kurang, terutamanya kepada bumiputra dan kalau di bandar-bandar akan didirikan letrik inilah yang kita dapati tidak cukup orang khasnya bumiputra dan yang sedihnya sekali kerana ahli-ahli ataupun pakar-pakar yang hendak menjalankan letrik ini kalau tidak kena orang kita yakin akan merosakkan kepada letrik itu ataupun kepada rumah itu semula.

Saya nyatakan dengan ikhlas satu tempat di tempat saya sendiri disebabkan salah pasang ataupun salah guna selepas 3 hari dipasangkan letrik yang mendatangkan keseronokan tiba-tiba rumah yang berkenaan mendapat kemalangan kebakaran. Ini saya berpendapat salah satu daripada syarat menjadi penjamin tadi hendaklah pihak L.L.N. membuatkan satu syarat kepada badan-badan yang berkenaan dengan mencari pekerja-pekerja, dengan wang yang kita jaminkan itu, dengan memberi latihan yang cukup dan seberapa banyak yang boleh supaya mendapat dua segi. Satu segi membanyakkan pekerja supaya apa yang menjadi kelewatan hari ini dapat kita jalankan. Yang kedua supaya kita berjalan dengan sempurna dengan ada latihan tadi. Kalau banyak kerja dengan tidak ada latihan berlakulah macam mana saya katakan tadi.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat orang yang hendak minta pada kita kalau kita hendak beri tentu apa syarat pun mereka berjanji kerana kita yang berkuasa hendak beri kepada dia. Sebelum kita

beri kita adakan syarat-syaratnya. Ini saya berharap sangat patut diadakan dalam Rang Undang-undang ataupun syarat-syarat yang tertentu sebagaimana yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Dungun tadi untuk menjadi kebaikan, misalnya, kita beri dan kita tumpukan kebanyakan kepada bumiputra, janganlah macam hari ini. Saya percaya kebanyakan daripada pemohon-pemohon terlampau sedikit, yang lebih sedikit ialah bumiputra. Jadi dengan adanya Rang Undang-undang ini boleh jadi bumiputra tidak ada kemudahan dan modal. Dengan adanya Rang Undang-undang ini, inilah satu peluang kita beri kepada bumiputra dengan latihan yang cukup sebagaimana saya katakan tadi dan juga kita kenakan syarat-syarat. Janganlah letrik yang membawa kebaikan

Tuan Yang di-Pertua: Banyak kali asyik diulang perkataan syarat-syarat ini. Sekali sebut memadailah.

Tuan Shaari bin Jusoh: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya katakan syarat-syarat tadi sebagai harga-harga. Ada perkara-perkara yang kita terpaksa ambil daripada luar negeri tetapi ada perkara-perkara yang kita ambil daripada dalam negeri tetapi syarat yang telah ditetapkan oleh Lembaga Letrik Negara atau pemborong, saya pun tidak tahu. Sebatang tiang ditetapkan harga \$200 lebih, adakah patut dengan sebatang tiang itu \$200? Saya berkata begitu sebab berlaku di satu tempat. Kerana ada dua batang tiang lagi yang patut disambungkan kepada satu kawasan, Wakil Rakyat yang berkenaan bermurah hati tetapi bukanlah saya Wakil Rakyat di tempat saya, dengan murah hati bercadang untuk mendermakan dua batang tiang. Kata pihak Lembaga Letrik Negara tiap-tiap sebatang tiang tidak boleh dibubuh walaupun tiang yang semacam itu juga tetapi kena bubuh dengan harga \$200 pada sebatang tiang. Jadi buatlah hamba Allah ini dengan berubat 1001 macam ubat bagaimana baik sekalipun dengan tinggi kayu yang ada itu tidak sampai \$100. Jadi dia tetapkan harga \$200. Dengan sebab itu saya berharap, Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya kemudahan kita hendak beri kepada pihak yang berkenaan syarat itu kita ketatkan juga demi untuk kebaikan.

Saya sokong pendapat Ahli Yang Berhormat dari Kepala Batas tadi. Kadangkang kita beri kemudahan kita tidak ikat. Ada setengah-setengah pokok yang ditebang dan ada setengah-setengah tempat yang tidak ditebang. Yang pelik pihak pegawai-pegawai ini ada menyatakan dia terpaksa lalu pada satu jalan yang pokoknya cantik tetapi kalau dikira dengan jalan belakang pokok itu boleh dipindahkan ke jalan lain—ada jalan lain, saya tidak boleh sebut lebih daripada itu. Jadi pihak-pihak ini kadang-kadang biasa mengatakan kalau ada jalan lain boleh diubah walhal pada awal kata tadi tidak boleh diubah, mesti lalu pada jalan ini tetapi bila berkira dengan satu jalan lain boleh diubah. Dengan sebab itu saya berharap dengan syarat-syarat yang kita beri ini menjadi kemudahan juga kepada orang kampung. Walaupun kita hendak letrik biarlah kita beri kemudahan, jangan pada satu tempat yang kita tengok pokok yang terlampau baik sedangkan jalan lain boleh dilalui, kita hendak lalu di situ juga melainkan dengan ada satu syarat “tip” ikut belakang baru boleh lalu

Tuan Yang di-Pertua: Siapa yang hendak lalu ini?

Tuan Shaari bin Jusoh: Wayar letrik (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua: Siapa yang pasang wayar itu?

Tuan Shaari bin Jusoh: Pihak pemborong ataupun pihak berkuasa letrik.

Tuan Yang di-Pertua: Rang Undang-undang ini berkenaan dengan L.L.N., jaminan kepada orang lain, syarikat lain.

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, maksud saya kepada orang yang kita hendak beri jaminan tadi kita beri amaran. Kepada orang yang hendak kita beri jaminan tadi kita beri tahu ini perkara yang tidak baik, sebelum kami jaminkan perkara ini tuan hendaklah ambil perhatian—itu maksud saya.

Tuan Yang di-Pertua: Orang yang diberi jaminan itu dia membuat kerja letrik juga?

Tuan Shaari bin Jusoh: Ya. Orang yang kita hendak beri jaminan itu saya kata patutlah kita buat syarat yang tertentu

untuk kebaikan kepada negara kita. Jadi apa-apa yang tidak baik itu kita beri syaratnya dahulu sebelum kita menjamin kepada orang yang berkenaan, baikpun kepada negeri ataupun kepada pemborong, kepada badan perseorangan dan sebagainya.

3.37 ptg.

Tuan Hishamuddin bin Haji Yahaya (Maran): Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang ini. Saya bangun bukanlah untuk membuat sebarang teguran kepada pindaan ini tetapi seperti juga Ahli Yang Berhormat dari Setapak tadi selaku untuk mendapatkan sedikit penjelasan.

Daripada pengetahuan saya melalui bacaan suratkhbar, menengok iklan dalam talivisyen nampaknya L.L.N. ini sedang menghadapi beberapa kesulitan pada segi kewangan. Di sini L.L.N. hendak menjadi guarantor pula. Bagi saya ini merupakan satu langkah lagi di mana L.L.N. akan memikul satu tanggungjawab yang berat dan jikalau salah gayanya mungkin akan mendatangkan kesusahan yang lebih. Jadi seperti Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan sendiri ketahui bahawa tanggungan guarantor ini selalunya absolute. Kalau orang yang telah diguarantee itu tidak dapat menjelaskan bayarannya maka guarantorlah yang kena. Jadi di sini saya hendak mendapat penjelasan. Setelah adanya pindaan ini, setelah L.L.N. dibenarkan menjadi guarantor kepada sesiapa pun adakah satu peraturan baru yang akan ataupun telah dibuat oleh pihak L.L.N. mengenai syarat-syarat penjaminan ini, di mana L.L.N. boleh menjamin, masa bila L.L.N. boleh menjamin dan kepada siapa. Misalnya, adakah jaminan ini diberi kepada mereka yang terlibat di dalam projek-projek yang mendatangkan faedah kepada negara secara langsung ataupun ianya mempunyai kuasa untuk memberi jaminan kepada sesiapa sahaja samada projek itu akan mendatangkan faedah kepada negara secara langsung ataupun mendatangkan faedah kepada orang perseorangan tetapi mendatangkan faedah kepada negara dengan secara tidak langsung. Jadi, samada atau tidak peraturan yang akan dibuat kerana saya kuaratir jikalau tidak ada peraturan seperti itu kalau L.L.N. boleh menjamin siapa sahaja yang L.L.N. ada kepentingan kewangan, jadi bimbang pada suatu hari kelak kalau L.L.N. menjamin sampai

berpuluh-puluh million sehinggakan L.L.N. sebagai guarantor tidak boleh menjamin, sampaikan ke mahkamah pergi attach pula barang-barang L.L.N. Saya bimbang kalau negara inipun gelap.

Sekarang pun sudah kerap-kali saya lalu di Jalan Lornie lampu di situ gelap. Jadi mungkin kekurangan power, L.L.N. kekurangan wang untuk mengadakan power, itu saya tidak faham. Demikian juga di Kuantan di hari perayaan baru-baru ini jalan masuk ke Kuantan gelap. Saya bimbang kalau besuk diattach pula oleh mahkamah kerana penjamin tidak boleh membayar, maka banyak tempat di negara ini menjadi gelap. Jadi, saya hendak tahu ada atau tidak peraturan ini dibuat oleh L.L.N. ataupun akan dibuat. Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh menjelaskannya.

3.42 ptg.

Tuan Hashim bin Ghazali (Matang): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Akta yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, iaitu Akta Letrik (Pindaan) 1976 yang bermaksud Lembaga Letrik Negara boleh menjadi penjamin kepada mana-mana orang atau badan tertentu.

Di dalam hal ini, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap apabila sahaja Lembaga Letrik Negara sudah sanggup menjadi penjamin bererti ia telah mempunyai kekuatan yang cukup semenjak tahun 1949 sehingga tahun 1976 dan pada tahun ini ia mempunyai kekuatan yang cukup yang boleh menjamin bagi kepentingan mana-mana orang ataupun mana-mana badan untuk negara ini. Di dalam hal ini, saya berharap pelaksanaan ataupun tugas L.L.N. dalam lapangan ini janganlah pula menjadi penghalang kepada pelancaran bekalan letrik di seluruh negara kita.

Saya dukacita oleh kerana Ahli Yang Berhormat dari Maran telah menyebut sedikit sebanyak berkenaan dengan kesulitan yang pernah dilihatnya dan kemungkinan perkara yang seperti ini terjadi di mana-mana pun seluruh negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam hal ini juga pihak Lembaga Letrik Negara sentiasa menerang kepada rakyat. Sungguhpun Lembaga Letrik Negara telah mempunyai kekuatan yang cukup tetapi masih merayu melalui radio, TV dan akhbar pada tiap-tiap

hari meminta rakyat menjimatkan letrik. Di dalam hal ini saya menarik perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri negara kita ini sudah berada di dalam satu ambang yang cemerlang ataupun kita kata di dalam Dasar Ekonomi Baru dan yang kedua negara kita ini sudah masuk pula di dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Saya berharap dengan adanya kekuatan kepada Lembaga Letrik Negara, bahkan sanggup menjadi penjamin, Dasar Ekonomi Baru yang telahpun disebutkan oleh beberapa orang daripada Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini dan bagi pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga bagi menjalankan pembekalan ke seluruh negara, saya berharap akan berjalan dengan lancar.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam hal ini saya tertarik hati di dalam peringkat yang paling akhir sekali. Di dalam tahun yang paling akhir apabila pelancaran Lembaga Letrik Negara di dalam negara kita dapati banyak ataupun kalau dikumpul pada tiap-tiap tahun berjuta-juta ringgit kerugian yang tertimpa kepada rakyat ataupun kepada Kerajaan kerana bangunan-bangunan yang besar terbakar di dalam negara kita. Contohnya, kompleks Campbell di Kuala Lumpur dan yang akhir sekali dalam akhbar semalam di Kota Bahru. Di dalam hal ini saya berharap oleh sebab sesuatu barangkali kita tidak dapat mengetahui dengan sejelas-jelasnya dan biasanya disebut oleh kerana masalah api letrik di dalam hal kebakaran ini. Jadi, di dalam lapangan ini oleh kerana Lembaga Letrik Negara hendak menjadi penjamin, biarlah bukan setakat menjadi penjamin kepada badan-badan ataupun orang tertentu yang dimaksudkannya, bahkan ia juga sanggup menjadi penjamin supaya kebakaran yang besar-besar tidak lagi berlaku di dalam negara kita yang begitu baik dalam keadaan sekarang, kerana selain daripada bangunan-bangunan kita yang telah mempunyai berpuluh-puluh tingkat kalau terbakar habis berpuluh-puluh tingkat.

Selain daripada itu rumah-rumah sekarang sudah dibuat bukan sebuah-sebuah lagi. Rumah terrace—rumah panjang-panjang, berpuluh-puluh pintu satu barisan. Kalaupun ini terjadi satu kebakaran, kalau misalnya satu barisan itu ada 20 rumah, alangkah sedihnya. Di dalam hal ini saya berharap pihak Lembaga Letrik Negara patut mencari satu-satu jalan yang paling baik sekali untuk menyelamatkan keadaan pembekalan

letrik yang ada di serata tempat di dalam negara kita khasnya tempat-tempat dan bangunan-bangunan yang sentiasa ramai rakyat. Oleh sebab itu hendaklah dibuat pemeriksaan bukan sahaja kepada pembe-
kalan yang dibuat oleh Lembaga Letrik Negara bahkan kepada yang ia menjadi pen-
jamin. Kalau tidak di dalam lapangan ini
saya bimbang nama Lembaga Letrik Negara
akan terjejas kemudian hari kelak

Tuan Yang di-Pertua: Kebakaran itu boleh
jadi short-circuit, boleh jadi kerana sebab
lain.

Tuan Hashim bin Ghazali: Ya, Tuan
Yang di-Pertua, saya mengaku. Oleh sebab
itu di dalam hal ini kita patutlah mengambil
perhatian bersama mencari jalan bagi me-
nyelesaikan masalah ini supaya apabila
sahaja disebut Lembaga Letrik Negara tidak
lagi disebut masalah-masalah berkenaan
dengan kebakaran ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat
dari Tumpat yang akhir, kemudian Yang
Berhormat Timbalan Menteri menjawab.
Jemput.

3.48 ptg.

**Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad
(Tumpat):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun
turut sama menyokong Rang Undang-
undang bagi meminda Akta Letrik, 1949
yang mana pada pendapat saya dengan
adanya Akta Letrik (Pindaan) hari ini se-
gala pembangunan Rancangan Malaysia
Ketiga yang akan kita jalankan tidak berapa
lama lagi akan dapat berjalan dengan lancar
dengan adanya guarantor daripada pihak
Lembaga Letrik Negara hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidaklah
hendak bercakap panjang kerana telah di-
timbulkan oleh rakan-rakan saya di dalam
Dewan ini, cuma saya hendak bertanya
kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri
yang berkenaan di dalam implikasi kewangan
yang mana Rang Undang-undang ini tidak
akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa
perbelanjaan wang tambahan. Pada pen-
dapat saya wang ini tidak akan melibatkan
Kerajaan, tetapi sekiranya L.L.N. menjadi
sebagai guarantor kepada orang-orang atau-
pun badan-badan berkanun untuk menjalan-
kan perusahaan-perusahaan itu, maka saya
takut wang itu tidak dapat diambil balik

maka kewangan Kerajaan juga akan melibat-
kan kerugian yang besar. Itulah sahaja saya
ingin mendapat penjelasan dari pihak Ke-
menterian.

3.50 ptg.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-
Pertua, terlebih dahulu bagi pihak Kemen-
terian Kerjaraya dan Lembaga Letrik Negara
izinkan saya mengucapkan ribuan terima
kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat
yang telah mengambil bahagian dalam per-
bahasan ini.

Beberapa Ahli Yang Berhormat telah
membangkitkan pendapat mereka berkenaan
dengan kemungkinan bahawa kuasa ini di-
salahgunakan. Jadi di sini saya ingin ambil
peluang menjelaskan bahawa kuasa yang
Lembaga Letrik Negara memohon daripada
Dewan Rakyat ini ialah untuk mengizinkan
L.L.N. mengambil bahagian dalam syarikat-
syarikat usahasama yang ada kaitan dengan
pembuatan alat-alat letrik. Misalnya, pada
saat ini ada satu syarikat seperti ini dinama-
kan Federal Power & Telecoms Sdn. Bhd.
dan syarikat ini sekarang membuat trans-
formers, switch gear, meters dan sebagainya.
Jadi alat-alat ini diperlukan untuk kegunaan
di dalam negeri kita dan oleh yang demikian
di dalam tanahair kita ada satu "captive
market". Jadi L.L.N. berpendapat bahawa
oleh kerana kita sendiri ada "captive
market" kalau L.L.N. bersama-sama dengan
pihak swasta membuat alat-alat seperti
L.L.N. itu akan menjimatkan wang untuk
tanahair kita dan L.L.N. berharap bahawa
ushasama seperti ini, dapat mengeksport alat-
alat yang dibuat oleh syarikat tersebut.
Biasanya dalam syarikat usahasama seperti
itu L.L.N. mengambil "majority share". Jadi
L.L.N. ada kuasa dalam pentadbiran sebuah
syarikat usahasama seperti itu. Oleh yang
demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya akan
memberi jaminan kepada Dewan yang mulia
ini bahawa L.L.N. akan menggunakan ini
dengan sikap yang bertanggungjawab dan
untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat
pihak Perbendaharaan adalah diwakili
dalam Lembaga Letrik Negara.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor
telah menimbulkan soal kontrektor. Walaupun
ini agak di luar bahasan, oleh kerana Yang
Berhormat ini telah menunjukkan minat
kepada Kementerian saya, izinkan saya
menjelaskan bahawa L.L.N. menggunakan

sistem tender yang "competitive" berkenaan dengan pembekalan alat-alat dan sebagainya kepada badan ini. Kalau Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor ada bukti menunjukkan perbuatan yang tidak sehat, bahawa penyelewengan telah berlaku dalam sistem tender ini mintalah Ahli Yang Berhormat itu melapurkan kepada L.L.N. atau Kementerian saya untuk tindakan yang tegas.

Ahli Yang Berhormat dari Kepala Batas telah berkata bahawa di beberapa kawasan luar bandar pihak L.L.N. tidak dapat membekalkan letrik dalam tempoh masa yang dikehendaki. Di sini saya ingin menjelaskan bahawa letrik luar bandar adalah satu perkara yang melibatkan Kerajaan Negeri dan biasanya melibatkan masaalah fasal tanah.

Ahli Yang Berhormat dari Kepala Batas telahpun berkata bahawa dari semasa ke semasa pihak yang berkenaan membangkitkan halangan bagi pihak L.L.N. masuk dan membekalkan letrik. Di sini izinkan saya merayu kepada Ahli-ahli Yang Berhormat supaya sentiasa bekerjasama dengan Lembaga Letrik Negara sebab kadang-kadang ahli-ahli politik pun campur tangan, jadi perkara yang kecil dibesarkan dan kalau kesulitan besar timbul kelambatan tentulah timbul. Oleh itu, saya minta kerjasama daripada Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya pun hendak memberi jaminan bahawa Kementerian saya sekarang mengkaji semua masaalah-masaalah yang dihadapi berkenaan dengan letrik luar bandar dan tindakan yang sewajarnya telah diambil supaya projek-projek yang telah diluluskan dapat dijalankan mengikut jadual yang tertentu.

Beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat membangkitkan kekurangan bahan-bahan letrik. Ini merupakan satu masaalah yang lalu, tetapi pada masa ini masaalah itu telah diselesaikan dan kita harap projek-projek yang diluluskan boleh dijalankan dengan lebih licin.

Ahli Yang Berhormat dari Setapak ada minta penjelasan berkenaan dengan Bill yang dibentangkan di Dewan yang mulia ini. Saya telah dinasihatkan bahawa perkataan "orang" atau "person" dalam Bill ini adalah mempunyai erti yang luas sekali. Ini bermakna L.L.N. akan memberi jaminan kepada institusi sebab perkataan "orang" atau

"person" ini satu perkataan legal dan terkandung dalam perkataan ini ialah institusi-institusi atau badan-badan seperti Federal Cable & Power dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kepong ada bangkitkan pembekalan letrik ke kawasan luar bandar di dalam Wilayah Persekutuan. Saya bagi pihak Kementerian mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat itu atas sokongan yang beliau telah beri kepada Rang Undang-undang ini dan kalau apa yang diminta boleh dijalankan oleh L.L.N. Kementerian saya tentu akan memberi pertimbangan yang sewajarnya.

Tadi Ahli Yang Berhormat dari Maran telah berkata bahawa beliau sendiri pernah mengalami power failure bukan sahaja di Kuala Lumpur atau di Kuantan tetapi juga di tempat lain. Di sini saya hendak menjelaskan bahawa power failure diakibatkan oleh banyak sebab, bukan sahaja satu sebab, misalnya kalau pokok kelapa jatuh, jadi power failure pun boleh berlaku, dan itulah satu Act of God bukan satu act of L.L.N. Tetapi di sini saya mengaku bahawa pada masa yang lalu Lembaga Letrik Negara pernah menghadapi kekurangan tenaga (power shortage) oleh kerana ada projek-projek yang kita cadangkan tidak dijalankan mengikut jadual yang tertentu. Tetapi saya ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa masaalah ini sekarang telah diselesaikan, dan Kementerian saya pada minggu yang akan datang akan mengeluarkan satu kenyataan berkenaan dengan situasi tenaga dalam tanahair kita dan di situ kita harap akan memberi butir-butir yang lebih lanjut.

Ahli Yang Berhormat dari Matang telah bertanya kenapa L.L.N. atau pihak Penerangan masih menjalankan kempen menjimatkan letrik. Di sini saya harap Ahli Yang Berhormat dari Matang itu sedar bahawa ongkos letrik, ongkos produksi letrik itu sentiasa naik, kerana satu element yang paling mustahak dalam peroses electrical power generation ialah minyak dan harga minyak sentiasa naik—tidak turun. Oleh yang demikian, walaupun negara kita tidak menghadapi masaalah kekurangan letrik lagi, walaupun kita telah mengatasi masaalah ini, rakyat dan negara kita patutlah terus menjimatkan letrik, sebab kalau kita menjimatkan letrik, kita menjimatkan wang untuk tanahair kita.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menunjukkan confidence mereka terhadap L.L.N. kerana telah menyokong pindaan Rang Undang-undang ini dengan sebulat suara yang dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini. Dan apa-apa pendapat yang mereka keluar-kan itu akan diambil perhatian oleh Kementerian saya.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangan dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 dan 2 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali ketiga dan diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Urusan Mesyuarat kita telah selesai, Dewan ditangguhkan sehingga pukul 3.45 petang hari esok, Jumaat, 29hb Oktober, 1976.

Dewan ditangguhkan pada pukul 4.08 petang.